PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT LG,G,1,3,4
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

*No. Tel : 603-5544 7000*
*No. Faks : 603-5510 2658*
*Talian Bebas Tol : 1-800-88-2624*
*URL : https://ptg.selangor.gov.my*
*E-mail : ptgs@selangor.gov.my*

#KitaSelangor

Ruj. Kami: Bil.(54)dlm.PTGS/BPH/SEL/10/31/99 Jld.32
Tarikh 25 November 2022
30 Rabiulakhir 1444H

**Majlis Peguam Malaysia**
**(Bar Council Malaysia)**
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor**
**(Selangor Bar)**
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Selangor Darul Ehsan

**Jawatankuasa Peguam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**(Kuala Lumpur Bar)**
Unit 4.02, Level 4,
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PELUASAN PENGGUNAAN SISTEM SMARTBOX KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan/puan sedia maklum, YAB Menteri Besar Selangor telah merasmikan Majlis Perasmian Peluasan Sistem Smartbox ke Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor pada 28 Oktober 2022 yang lalu di Pejabat Daerah dan Tanah Klang. Oleh yang demikian, pelaksanaan Sistem Smartbox ini telah diperluaskan ke semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor bermula pada 1 November 2022.

3. Melalui sistem Smartbox, pelanggan boleh membuat pembayaran perserahan secara dalam talian (*online*) dengan menggunakan kaedah FPX dan seterusnya melaksanakan perserahan secara layan diri di kiosk perserahan Smartbox di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

4. Pentadbiran ini ingin menasihatkan kepada semua firma guaman untuk menyemak jenis hakmilik dokumen perserahan supaya dimasukkan ke dalam kiosk Smartbox yang betul mengikut jenis hakmilik iaitu kiosk Smartbox PTGS bagi hakmilik Pendaftar (HSD/PN/GRN) dan kiosk Smartbox PDT bagi hakmilik Pejabat Tanah (HSM/PM/GM).

5. Sehubungan itu, kerjasama tuan/puan adalah dimohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua firma guaman di bawah seliaan pihak tuan/puan.

Perhatian tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. HIZAN BIN WAHED)**
Timbalan Pengarah (Pendaftaran)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

s.k:

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor